

20 FEBRUARI 2018

'Teh Cina' RM3.7j



MOHMAD (tiga dari kanan) bersama Ketua Polis negeri, Datuk Abdul Jalil Hassan (tiga dari kiri) menunjukkan dadah yang dirampas.

'Teh Cina' RM3.7j

■ **Sindiket pengedaran dadah terbesar tumpas, 52.82kg syabu, 33 gram ketamin dan sebiji pil ekstasi dirampas**

Nur Saliawati Salberi
nursaliawati@hmetro.com.my

Melaka

Sindiket pengedaran dadah terbesar di negeri ini tumpas apabila dadah yang dibungkus menggunakan pembalut teh Cina bernilai RM3.7 juta dirampas sepasukan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) negeri di sebuah rumah di Malim, Sabtu lalu.

Selain dadah yang disorokkan dalam tong ais itu, polis turut menahan lapan suspek warga tempatan ter-

masuk tiga wanita berusia antara 20 hingga 31 tahun dalam dua serbuan di dua rumah antara jam 2.30 pagi hingga 6.30 petang.

Pengarah JSJN Bukit Aman Datuk Seri Mohamad Salleh berkata, antara dadah yang dirampas itu adalah 52.82 kilogram (kg) syabu, 33 gram ketamin dan sebiji pil ekstasi.

Menurutnya, pihaknya turut merampas sejumlah wang tunai, barang kemas bernilai RM10,000, dua kereta Pro-

ton Wira dan motosikal.

"Rampasan dadah ini adalah yang terbesar di Melaka setakat ini dan jumlah bahan terlarang yang dirampas dipercayai mampu dibekalkan kepada 260,000 penagih," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka, semalam.

Mohamad berkata, pihaknya percaya semua dadah berkenaan adalah untuk pasaran di sekitar negeri itu dan ia dipercayai

diseludup masuk dari negara jiran.

"Siasatan lanjut masih dijalankan bagi mengetahui berapa lama sindiket ini menjalankan kegiatan pengedaran dadah, selain laluan yang mereka gunakan.

"Selain itu, hasil ujian air kencing juga mendapati empat daripada lapan suspek yang ditahan positif dadah dan turut mempunyai rekod jenayah lampau," katanya.

Mohamad berkata, semua suspek yang ditahan itu kini direman selama seminggu sehingga Sabtu ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

FAKTA
Bahan terlarang yang dirampas dipercayai mampu dibekalkan kepada 260,000 penagih